



**BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

PENGUMUMAN

**PERMOHONAN PERGERAKAN RENTAS DAERAH DAN NEGERI BAGI
KEPERLUAN PELESENAN MESIN JUAL AIR DALAM TEMPOH PERINTAH
KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

Tuan/Puan yang dihormati,

Sebarang permohonan pergerakan rentas daerah atau negeri bagi keperluan pelesenan Mesin Jual Air (MJA) dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) perlu dikemukakan kepada Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Keselamatan dan Kualiti Makanan), Jabatan Kesihatan Negeri yang berkaitan. Sila rujuk senarai di <http://fsq.moh.gov.my/v6/xs/page.php?id=191>

Permohonan boleh dibuat dengan mengemukakan surat rasmi permohonan dan melampirkan senarai pekerja atau staf berserta nombor kad pengenalan yang terlibat dalam kerja-kerja penyelenggaraan, pembersihan dan sanitasi MJA tersebut.

Walau bagaimanapun, keperluan merentas daerah dan negeri masih tertakluk kepada kebenaran pihak Polis Di Raja Malaysia (PDRM).

Sekian, terima kasih.

Seksyen Pelesenan
Cawangan Industri Domestik
Ibu Pejabat Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan